



Saringan awal buah pinggang

Mereka yang berusia 35 tahun ke atas disaran jalani ujian saringan

sihat

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**
maria.zakaria@utusan.com.my



buah pinggang dianggap 'pembunuh senyap' kerana pesakit mengetahui penyakit yang dihadapi setelah mencapai peringkat akhir.

Disebabkan alasan itu juga, Dr. Abd. Halim menyarankan agar mereka yang berumur 35 tahun dan ke atas menjalani saringan kesihatan setiap tahun untuk mengetahui tahap kesihatan badan masing-masing.

Beliau memberitahu, setiap individu seharusnya mengambil tahu setiap inci tahap kesihatan tubuh badan masing-masing, kerana apa juga penyakit yang mungkin dihadapi boleh dirawat sekiranya dapat dikesan pada peringkat awal.

Berbicara lebih lanjut mengenai penyakit buah pinggang, beliau berkata, antara penyebab buah pinggang bermasalah ialah penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, dan batu karang.

"Untuk pengetahuan, di negara ini penyebab utama penyakit buah pinggang ialah komplikasi daripada penyakit kencing manis.

"Selain itu, penghidap darah tinggi dan batu karang juga perlu menjalani ujian saringan kesihatan buah pinggang kerana kedua-dua penyakit ini juga antara penyebab kepada penyakit buah pinggang.

"Pada masa yang sama, ada juga penyakit buah pinggang disebabkan oleh keturunan. Untuk itu, kepada sesiapa yang mempunyai ahli keluarga berpenyakit buah pinggang segeralah jalani saringan kesihatan sebelum terlambat," katanya.



PEMBEDAHAN pemindahan buah pinggang antara kedua rawatan akibat kegagalan organ tersebut berfungsi. - GAMBAR HIASAN



BUAH pinggang atau ginjal, organ penting dalam tubuh. - GAMBAR HIASAN

Ulas beliau, dengan adanya kencing manis atau tekanan darah tinggi atau kedua-duanya sekali, penyakit buah pinggang mungkin akan menjadi lebih teruk sehingga membawa kepada kegagalan fungsi tahap akhir buah pinggang.

Jika ini berlaku, pesakit hanya mempunyai dua pilihan sama ada menjalani rawatan dialisis (mencuci darah) atau pemindahan buah pinggang.

Tambah Dr. Abd. Halim, terdapat banyak bentuk penyakit yang membabitkan buah pinggang, namun yang kerap dihadapi masyarakat hari ini ialah, gelembung cecair pada buah pinggang (*autosomal dominant polycystic kidney disease*) dan radang buah pinggang.

Bagi penyakit gelembung cecair pada buah pinggang, majoritinya akan berlaku pada kedua-dua buah pinggang dan selalunya disebabkan oleh genetik yang tidak normal.

Lazimnya pesakit yang mempunyai masalah ini pada tahap akhir, menunjukkan gejala-gejala seperti

muntah, tidak selesa, gatal-gatal, susah bernafas, dan tidak dapat makan akibat daripada toksin dan air yang terlalu banyak di dalam badan.

Ini juga akan mengakibatkan buah pinggang menjadi lebih besar daripada saiz normal iaitu 10 sentimeter dan buah pinggang boleh membesar sehingga 20 sentimeter.

Berbeza pula kepada mereka yang mengalami masalah radang buah pinggang kerana terjadi dengan sendiri hanya disebabkan oleh imuniti badan.

"Masalah radang buah pinggang, biasanya hanya akan menjejaskan buah pinggang pesakit, manakala bahagian

badan yang lain tidak bermasalah. "Radang buah pinggang ini boleh menyerang sesiapa sahaja sama ada lelaki mahu pun wanita kerana terdapatnya darah dan protein di dalam air kencing.

"Bagaimanapun, peluang untuk pesakit penyakit radang buah pinggang pulih seperti sedia kala adalah tinggi sekiranya dirawat pada peringkat awal," katanya lanjut.

Dr. Abd. Halim turut berkongsi maklumat dengan memberitahu, di Malaysia ada ubat tahan sakit yang tidak sesuai untuk buah pinggang dan ubat darah tinggi bukanlah penyebab utama kepada kerosakan atau pun kesakitan buah pinggang.

"Ada ubat darah tinggi bagus untuk buah pinggang kerana membuatkan organ tersebut tidak bekerja dengan kuat, bagaimanapun ada pesakit yang tidak sesuai dengan ubat tersebut.

"Jadi tanggapan bahawa ubat darah tinggi penyebab kepada kerosakan buah pinggang adalah sangat salah kerana ubat darah tinggi yang diberikan kepada pesakit akan diperiksa terlebih dahulu oleh doktor.

"Selain itu, ubat-ubatan herba juga tidak terkecuali kerana kita tidak tahu komponen aktif yang berada di dalamnya. Jadi, tidak mustahil jika kedua-dua jenis ubat ini, tahan sakit dan herba akan menyebabkan kerosakan atau kesakitan buah pinggang menjadi lebih teruk," sambungnya.

Untuk meningkatkan kesedaran risiko penyakit buah pinggang kepada orang ramai, Hari Buah Pinggang Sedunia mula diadakan sejak 2006, iaitu pada Khamis minggu kedua setiap Mac.

Ini untuk memberi kesedaran serta menggalakkan pencegahan dan pengesanan awal masalah buah pinggang kepada masyarakat. Jadi jangan tunggu hingga ke peringkat akhir kerana kegagalan buah pinggang yang tidak dirawat boleh membawa maut.

Alahan teruk ketika hamil jejas otak anak

WANITA yang mengalami alahan teruk ketika hamil (*morning sickness*) mempunyai risiko lebih besar melahirkan anak-anak yang mengalami masalah bahasa dan lewat bercakap serta kurang tumpuan.

Kajian terbaharu oleh para penyelidik menunjukkan bahawa keadaan alahan yang teruk ketika mengandung, sebagaimana yang dialami oleh isteri Putera William, Kate Middleton ketika tempoh kedua-dua kehamilannya, mencetuskan risiko tiga kali lebih besar terhadap perkembangan mental atau otak berbanding wanita yang hanya mengalami gejala loya dan muntah biasa.

Di United Kingdom, kira-kira 10,000 wanita setahun mengalami gejala yang dikenali sebagai *hyperemesis gravidarum* (HG), iaitu keadaan alahan ketika mengandung yang teruk atau ekstrem seperti sentiasa muntah, tubuh lemah sehingga tidak mampu bangun dan dehidrasi (*nyahhidrat*).

Kajian terbaharu daripada University of California, Los Angeles, (UCLA) itu, melihat secara spesifik sama ada keadaan tersebut memberi kesan kepada perkembangan otak ketika usia kanak-kanak.

Penyelidik bersama di David Geffen School of Medicine, UCLA, Dr. Marlena Fejzo, berkata, kaitan tersebut berlaku berikutan kurangnya nutrisi atau khasiat makanan ketika di peringkat awal kehamilan, terutama pada lima minggu pertama.

"Penemuan ini menunjukkan bahawa penting untuk mengambil serius gejala HG bagi memastikan wanita hamil ini mendapat sokongan khasiat makanan dengan serta-merta.

"Penemuan yang lebih

memberangsangkan ialah, kita tidak menemui sebarang kaitan antara ubat-ubatan dengan rawatan gangguan atau kelewatan perkembangan otak ini. Jadi saya boleh membuat andaian bahawa masalah perkembangan otak itu kemungkinan besar disebabkan kekurangan khasiat makanan dan peringkat awal kehamilan dan bukan disebabkan faktor perubatan," katanya.

Kajian tersebut telah disiarkan di *European Journal of Obstetrics and Gynaecology and Reproductive Biology* bagi edisi online.

Kajian dibuat dengan melihat perkembangan ke atas 312 anak yang lahir daripada 203 ibu yang mempunyai gejala HG antara tahun 2007 hingga 2011. Berbanding dibuat dengan 169 kanak-kanak yang dilahirkan oleh 86 ibu yang tidak mempunyai HG.

Antara masalah yang ditemui termasuk gangguan tumpuan dan sensori, pembelajaran dan lambat bercakap.

Dr. Fejzo berkata, mekanisme yang membuatkan ibu hamil yang terdedah kepada HG menyebabkan ketidakanormalan perkembangan neuro masih tidak jelas.

Wanita yang terdedah kepada kajian tersebut mengalami loya dan muntah yang teruk sehingga kehilangan berat badan sekurang-kurangnya lebih dua kilogram dan mengalami dehidrasi sehingga memerlukan rawatan memasukkan cecair dalam badan.

lamin dalam rahim yang terdedah dengan gejala HG ini, kemungkinan

mempunyai risiko tiga kali ganda lebih tinggi mengalami gangguan perkembangan neuro otak (*neurodevelopmental delays*).

"Tindakan segera diperlukan untuk memastikan sama ada kita memerlukan rawatan lebih agresif termasuk pemberian vitamin dan nutrien tambahan kepada wanita yang mengalami simptom loya dan muntah yang teruk, bagi mengurangkan risiko tersebut," katanya.

Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa HG dikaitkan dengan kelahiran bayi yang kurang berat badan, saiz kecil dan kelahiran tidak cukup bulan.

Para penyelidik turut membuat kajian terhadap asas genetik HG, di samping melihat faktor-faktor risiko lain. Mereka juga berharap untuk mendapat kepastian sama ada rawatan lebih awal terhadap wanita terdedah mengurangkan simptom atau menghalang menjadi teruk. - AGENSI

